# PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)

## MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH

**IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN**

# MODUL PENDIDIKAN MUZIK

## MZU3105

## TEORI MUZIK II

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU**
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**
**ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,**
**BLOK 2200, PERSIARAN APEC,**
**CYBER 6, 63000 CYBERJAYA**

**Berkuat kuasa pada Jun 2011**

## Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

## Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Jun 2011
Kementerian Pelajaran Malaysia

**Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.**

**MODUL PEMBELAJARAN INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG) IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN.**

**MODUL PEMBELAJARAN INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.**

Cetakan Jun 2011
Institut Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|


Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Guru

Panduan Pelajar

Pengenalan

Tajuk Pembelajaran

Tajuk 1 Pengenalan Kord Dominan Ke 7 (Kord V7)

1.0 Sipnosis

1.1 Hasil Pembelajaran

1.2 Kerangka Tajuk

1.3 Kandungan

1.3.1 Kenal pasti kord dominan ke 7 dalam kedudukan perdu dan pembalikannya.

1.3.2 Penulisan kord dominan ke 7 dan resolusinya.

1.3.3 Kord $vii^{0}$ – dominant family extended

1.3.4 *Diminished 7th*

1.3.5 Kord $vii^{d7}$

1.3.6 Kord $^{\#}iv^{d7}$

1.3.7 Kord iii (III)

---

Tajuk 2 Pergerakan Kord $^{6}_{4}$

2.0 Sipnosis

2.1 Hasil Pembelajaran

2.2 Kerangka Tajuk

2.3 Kandungan

2.3.1 *Cadential* $^{6}_{4}$

*2.3.2 Passing* $^{6}_{4}$

*2.3.3 Auxillary* $^{6}_{4}$

2.3.4 *The* $^{6}_{4}$ *and the cadenza*

Tajuk 3 Pergerakan Kord Ke 5 (Kord V)

3.0 Sipnosis

3.1 Hasil Pembelajaran

3.2 Kerangka Tajuk

3.3 Kandungan

3.3.1 Pergerakan Asas

3.3.2 Kord dalam pembalikan

3.3.3 Kord sebelum kaden

3.3.4 Kord ii7b

3.3.5 Pergerakan lengkap 5th – urutan

3.3.6 Analisis skor

Tajuk 4 Aplikasi pengetahuan kord dalam penulisan SATB

4.0 Sipnosis

4.1 Hasil Pembelajaran

4.2 Kerangka Tajuk

4.3 Kandungan

4.3.1 Penulisan SAT pada melodi yang mudah di mana bes diberi.

4.3.2 Harmonikan melodi dengan menuliskan bahagian bes dan menuliskan figured bass

Tajuk 5 Modulasi

5.0 Sipnosis

5.1 Hasil Pembelajaran

5.2 Kerangka Tajuk

5.3 Kandungan

5.3.1 Pengenalan kepada modulasi

5.3.2 Tujuan modulasi

5.3.3 Ciri-ciri modulasi – *confimed by a cadence*,

5.3.4 Perhubungan nada dalam modulasi

5.3.5 Bagaimana mengenal modulasi

5.3.6 *Pivot* dan *abrupt* modulasi

5.3.7 Phrase modulation

Tajuk 6 Hiasan Melodik
6.0 Sipnosis
6.1 Hasil Pembelajaran
6.2 Kerangka Tajuk
6.3 Kandungan
6.3.1 *Passing note (unaccented and accented)*
6.3.2 *Auxillary note (upper and lower)*
6.3.3 *Appogiatura*
6.3.4 *Changing notes*
5.3.5 *Note of anticipation*
*5.3.6 Subsidiary harmony notes*

Tajuk 7 Aspek-aspek Melodi
7.0 Sipnosis
7.1 Hasil Pembelajaran
7.2 Kerangka Tajuk
7.3 Kandungan
7.3.1 Perhubungan antara not-not
7.3.2 Urutan melodik
7.3.3 Frasa regular
7.3.4 Frasa tak regular
7.3.5 Design in melodies
7.3.6 Motif
7.3.7 *The bass line*
7.3.8 *Outlined melody*

Bibliografi

Panel Penulis Modul

Ikon Modul

# PANDUAN PELAJAR

## PENGENALAN

Modul pembelajaran ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah kendiri ini. Modul pembelajaran ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

## PEMBELAJARAN ARAH KENDIRI

Pembelajaran arah kendiri memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran kendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

## SASARAN KURSUS

Pelajar Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian yang mendaftar dengan Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (IPG KPM) di bawah Program Pensiswazahan Guru (PPG).

## JAM PEMBELAJARAN PELAJAR (JPP)

Berdasarkan standard IPG KPM yang memerlukan pelajar mengumpulkan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Anggaran peruntukan jam pembelajaran adalah seperti dalam Jadual 1:

| Aktiviti-aktiviti Pembelajaran | Agihan Jam pembelajaran Mengikut Kredit Kursus | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 3 Kredit | | 2 Kredit | | 1 Kredit | |
| | Tanpa Amali (3+0) | Ada Amali (2+1) (1+2) (0+3) | Tanpa Amali (2+0) | Ada Amali (1+1) (0+2) | Tanpa Amali (1+0) | Ada Amali (0+1) |
| Membaca modul pembelajaran dan menyiapkan latihan / tugasan terarah / amali | 70 | 60 | 70 | 62 | 70 | 65 |
| Menghadiri kelas interaksi bersemuka (5 kali) | 10 | 10 | 5 | 5 | 5 | 5 |
| Latihan Amali* | - | 10 | - | 8 | - | 5 |
| Perbincangan Atas Talian | 7½ | 7½ | 5½ | 5½ | 5½ | 5½ |
| Kerja Kursus | 20 | 20 | 20 | 20 | 15 | 15 |
| Ulangkaji | 10 | 10 | 10 | 10 | 5 | 5 |
| Amali/Peperiksaan | 2½ | 2½ | 2½ | 2½ | 2½ | 2½ |
| Jumlah Jam Pembelajaran | 120 | | 80 | | 40 | |

* Latihan amali akan dijalankan pada hari Ahad atau melalui kursus intensif.

## SUSUNAN TAJUK MODUL

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran kendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial. Anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

## IKON

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat.

## PEPERIKSAAN DAN PENTAKSIRAN

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

Soalan peperiksaan akan meliputi semua tajuk dalam modul pembelajaran dan juga perbincangan

**Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.**

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.

2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.

3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugasan tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.

4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.

5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.

6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.

7. Cari kawan yang boleh membantu pembelanjaran anda.

# PENGENALAN

Modul ini disediakan bertujuan untuk melengkapi interaksi bersemuka bagi kursus Teori Muzik II. Ia ditulis sebagai modul pembelajaran untuk membimbing anda dalam pembelajaran kendiri. Modul ini terdiri dari tajuk-tajuk berikut:

- Pengenalan kord V7
- Pergerakan $^6_4$
- Pergerakan kord kelima
- Aplikasi pengetahuan kord dalam penulisan SATB
- Modulasi
- Hiasan Melodik
- Aspek-aspek melodi

Untuk setiap tajuk di atas, anda akan menguasai pengetahuan yang dikehendaki seperti dinyatakan dalam hasil pembelajaran. Modul ini juga mengandungi latihan-latihan untuk mentaksir penguasaan pengetahuan anda. Diharap, melalui pembelajaran modul ini, anda dapat mempelajari aspek-aspek teori muzik yang boleh digunakan dalam P&P di sekolah dan membantu anda menjadi seorang guru muzik yang cemerlang di sekolah. Selain mempelajari bahan-bahan yang ditulis dalam modul ini, anda digalakkan merujuk sumber-sumber lain untuk membantu kefahaman anda yang lebih lanjut.

Selamat Maju Jaya !

## AGIHAN TAJUK

**Kod & Nama Kursus:** **MZU3105 TEORI MUZIK II**

Kandungan modul ini dibahagi kepada 5 topik. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

| INTERAKSI | TAJUK/TOPIK | JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS |
|---|---|---|
| 1 | 1Pengenalan kord V7<br>2Pergerakan $^6_4$ | 4<br>2 |
| 2 | 2Pergerakan $^6_4$<br>3 Pergerakan kord kelima | 2<br>4 |
| 3 | 4 Aplikasi pengetahuan kord dalam penulisan SATB | 6 |
| 4 | 5 Modulasi<br>6Hiasan Melodik | 4<br>2 |
| 5 | 6 Hiasan Melodik<br>7 Aspek-aspek melodi | 2<br>4 |
| | JUMLAH | 30 |

## BIBLIOGRAFI


Butterworth, A. (1999). *Harmony In Practice*. London: ABRSM.

Lee, F.K. (1995). Workbook On Harmony Grade 6. Penang: Rhythm MP Sdn. Bhd.

Loh, P.K (1991). A Handbook of Music Theory. Kuala Lumpur: Penerbit Muzikal.

Lovelock, W. (1933). Ornaments and Abbreviations. Norwich: William Elskin Music Services.

Ng, L. (1991). Theory of Music Made Easy Grade 5. Penang: Rhythm MP Sdn. Bhd.

Taylor, E. (1991). The AB Guide to Music Theory, Part II. London: The Associated Board of the Royal Schools of Music.

Taylor, E. (2000). Music Theory in Practice Grade 6. London: The Associated Board of the Royal Schools of Music.

## PANEL PENULIS MODUL
## PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU
## (PENDIDIKAN MUZIK PENDIDIKAN RENDAH)

| NAMA | KELAYAKAN |
|---|---|
| ENCIK ONG ENG SING @ PETER ONG<br><br>Pensyarah<br>Institut Pendidikan Guru Malaysia<br>Kampus Ilmu Khas<br>56000 Kuala Lumpur<br><br>engsing2009@gmail.com | **Kelulusan:**<br><br>M. Ed. USM<br>B.A. (Hons.) USM<br>Diploma Perguruan Khas<br>Diploma Perguruan Asas<br><br>**Pengalaman:**<br>Pensyarah (1 tahun)<br>Guru Muzik Sekolah Menengah (12 Tahun)<br>Guru Muzik Sekolah Rendah (17 Tahun) |
| ENCIK NORSHAMSURI BIN SAPIAI @ SHAFIE<br><br>Pensyarah<br>Institut Pendidikan Guru Malaysia<br>Kampus Tengku Ampuan Afzan<br>27200 Kuala Lipis<br>Pahang<br><br>warizt@yahoo.com | **Kelulusan :**<br><br>M.Ed. ( Music, UPSI )<br>B.Ed. (Hons.), ( Music, UPSI )<br>Diploma Perguruan Khas<br>Diploma Perguruan Asas<br><br>**Pengalaman:**<br>Pensyarah ( 4 tahun )<br>Guru Muzik Sekolah Menengah (6 tahun)<br>Guru Muzik Sekolah Rendah (11 tahun) |

## IKON

 **Buku Rujukan**

 **Latihan**



**Panduan Pengguna**

 **Memikir**

 **Tamat**

| TAJUK 1 | Pengenalan Kord Dominan Ketujuh (V7) |
|---|---|

## 1.0 SINOPSIS

Dalam tajuk ini, kord dominan $7^{th}$ dalam kedudukan perdu dan pembalikan serta penulisan kord dominan $7^{th}$ dan resolusinya diperkenalkan. Selain itu, pengenalan kord $vii^{o}$ , kord Diminished $7^{th}$ , kord $vii^{o}7$ , kord #ivdim7 dan kord iii (III) juga diadakan.

## 1.1 HASIL PEMBELAJARAN

1. Mengenalpasti kord $vii^{o}$ , kord Diminished $7^{th}$ , kord $vii^{o}7$ , kord #ivdim7, kord iii (III) dan kord dominan ketujuh dalam pelbagai kedudukan.

## 1.2 Kerangka Tajuk

- Kord V7 dan pembalikannya
- Kord vii dan pembalikannya
- Kord Dim7th dan pembalikannya
- Kord #ivdim7th dan pembalikannya
- Kord vii7 dan pembalikannya
- Kord iii dan pembalikannya

**Isi Kandungan**

## 1.3 Kord V7, kord Diminished $7^{th}$, kord $vii^{o}7$, kord #ivdim7, dalam kedudukan perdu, pembalikan 1, pembalikan 2 dan pembalikan 3. Kord $vii^{o}$ dan kord iii (III) dalam kedudukan perdu, pembalikan 1, dan pembalikan 2.

C major digunakan sebagai contoh.

Semua kord di bawah adalah dalam posisi perdu.

Nada: C Major



V7 vii$^0$ C Diminished 7th #IV$^0$7 vii$^0$7 iii

Semua kord di bawah adalah dalam pembalikan 1

Nada: C Major



V7b vii$^0$b C Diminished 7thb #IV$^0$7b vii$^0$7b iiib

Semua kord di bawah adalah dalam pembalikan 2.

Nada: C Major



V7c vii$^0$c C Diminished 7thc #IV$^0$7c vii$^0$7c iiic

Semua kord di bawah adalah dalam pembalikan 3.

Untuk perhatian semua pelajar, hanya kord 7$^{th}$ yang mempunyai 4 not menghasilkan pembalikan 3. Kord yang mempunyai 3 not hanya menghasilkan setakat pembalikan 2 sahaja.

Nada: C Major



V7d C Diminished 7thd #IV$^0$7d vii$^0$7d

Dalam skel C major, kord V7 dibentuk dengan menggunakan not-not G,B,D,F iaitu not ke5, not ke7, not ke2 dan not ke4. Jika dalam V7b (pembalikan 1), not-notnya ialah B,D,F,G. Jika dalam V7c (pembalikan 2), not-notnya ialah D,F,G,B. Jika dalam V7d (pembalikan 3), not-notnya ialah F,G,B,D. (rujuk rajah di atas)

Seterusnya, dalam C major, kord vii dibentuk daripada not-not ke7, ke2 dan ke4 iaitu not-not B,D dan F. Jika dalam viib (pembalikan 1), not-notnya ialah D,F,B. Jika dalam viic (pembalikan 2), not-notnya ialah F,B,D. (rujuk rajah di atas)

Seterusnya, kord Diminished $7^{th}$ dibentuk daripada 4 not. Jeda antara not pertama dengan ke3, jeda antara not ke3 dengan not ke5, jeda antara not ke5 dengan not ke7, semuanya adalah jeda minor ke3. Contohnya: C Diminished $7^{th}$ terdiri daripada not-not C,Eb,Gb dan Bbb. Biasanya, kord ini mempunyai nama seperti C dim7 (C,Eb,Gb,Bbb), D dim7 (D,F,Ab,Cb), E dim7 (E,G,Bb,Db) dan sebagainya. Kord ini dinamakan mengikut nama not pertama kord tersebut. (rujuk rajah di atas)

Seterusnya, dalam C major, kord vii7 dibentuk daripada not-not ke7, ke2 , ke4 dan ke6 flet iaitu not-not B,D, F dan Ab. Jika dalam vii7b (pembalikan 1), not-notnya ialah D,F,Ab,B. Jika dalam vii7c (pembalikan 2), not-notnya ialah F, Ab,B,D. Jika dalam vii7d (pembalikan 3), not-notnya ialah Ab,B,D,F.
(rujuk rajah di atas)

Seterusnya, dalam C major, kord #ivdim7 dibentuk daripada not-not ke4 syap, ke6 , pertama dan ke3 flet iaitu not-not F#,A,C dan Eb. Jika dalam #ivdim7b (pembalikan 1), not-notnya ialah A,C,Eb dan F#. Jika dalam #ivdim7c (pembalikan 2), not-notnya ialah C,Eb,F# dan A. Jika dalam #ivdim7d (pembalikan 3), not-notnya ialah Eb,F#,A dan C. (rujuk rajah di atas)

Seterusnya, dalam C major, kord iii dibentuk daripada not-not ke3, ke5 dan ke7 iaitu not-not E,G dan B. Jika dalam iiib (pembalikan 1), not-notnya ialah G,B dan E. Jika dalam iiic (pembalikan 2), not-notnya ialah B,E dan G. (rujuk rajah di atas)

Kord V7 selalunya diresolusikan oleh kord I atau kord vi.

Contoh: V7 ke I atau V7 ke vi (rujuk Rajah Y)

Kord vii biasanya diresolusikan oleh kord V7, kord V, kord vi atau kord I.

Contoh: vii$^0$ ke V7, vii$^0$ ke V, vii$^0$ ke vi atau vii$^0$ ke I. (rujuk Rajah Y)

Kord #ivdim7 biasanya diresolusikan oleh kord Ic atau kord V.

Contoh: #ivdim7 ke Ic atau #ivdim7 ke V. (rujuk Rajah Y)

Kord iii biasanya diresolusikan oleh kord IV atau kord vi..

Contoh: iii ke IV atau iii ke vi (rujuk Rajah Y)

Jika diperhatikan dengan teliti, kord vii$^0$7 of C major, #ivdim7 of F major dan kord B Diminished 7$^{th}$ (B$^0$7) mempunyai 4 not yang sama. Ketiga-tiga kord ini dibentuk oleh 4 not yang sama iaitu B,D,F,Ab tetapi dalam tandanada yang berbeza kecuali B Dim7th. Kord B Dim7th adalah dinamakan mengikut not pertama kord itu. Contoh: Kord Dim7th yang mempunyai 4 not iaitu F#,A,C dan Eb akan dinamakan kord F# Dim7th. Contoh kedua, kord Dim7th yang mempunyai 4 not iaitu A,C,Eb dan Gb akan dinamakan kord A Dim7th. Contoh ketiga, kord Dim7th yang mempunyai 4 not iaitu D,F,Ab dan Cb akan dinamakan kord D Dim7th. (rujuk Rajah Y)

Sila rujuk Rajah X dan Rajah Y di bawah untuk keterangan yang lebih jelas sebelum membuat latihan diberi.

| **Rajah X** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Not-not dalam KORD-KORD V7, viidim, Diminished 7th, viidim7, #IVdim7 dan kord iii (Posisi Perdu)** | | | | | | |
| Key | V7 | viidim | iii | viidim7 | #IVdim7 | Diminished 7th |
| C MAJOR | GBDF | BDF | EGB | BDFAb | F#ACEb | CEbGbBbb |
| G MAJOR | DF#AC | F#AC | BDF# | F#ACEb | C#EGBb | GBbDbF |
| D MAJOR | AC#EG | C#EG | F#AC# | C#EGBb | G#BDF | DFAbCb |
| A MAJOR | EG#BD | G#BD | C#EG# | G#BDF | D#F#AC | ACEbGb |
| E MAJOR | BD#F#A | D#F#A | G#BD# | D#F#AC | A#C#EG | EGBbDb |
| B MAJOR | F#A#C#E | A#C#E | D#F#A# | A#C#EG | E#G#BD | BDFAb |
| F# MAJOR | C#E#G#B | E#G#B | A#C#E# | E#G#BD | B#D#F#A | F#ACEb |
| C# MAJOR | G#B#D#F# | B#D#F# | E#G#B# | B#D#F#A | FxA#C#E | C#EGBb |
| | | | | | | |
| F MAJOR | CEGBb | EGBb | ACE | EGBbDb | BDFAb | FAbCbEbb |
| Bb MAJOR | FACEb | ACEb | DFA | ACEbGb | EGBbDb | BbDbFbAbb |
| Eb MAJOR | BbDFAb | DFAb | GBbD | DFAbCb | ACEbGb | EbGbBbbDbb |
| Ab MAJOR | EbGBbDb | GBbDb | CEbG | GBbDbFb | DFAbCb | AbCbEbbGbb |
| Db MAJOR | AbCEbGb | CEbGb | FAbC | CEbGbBbb | GBbDbFb | DbFbAbbCbb |
| Gb MAJOR | DbFAbCb | FAbCb | BbDbF | DbFAbCbEbb | CEbGbBbb | GbBbbDbbFbb |
| Cb MAJOR | GbBbDbFb | BbDbFb | EbGbBb | BbDbFbAbb | FAbCbEbb | - |
| | | | | | | |
| HARMONIC MINOR KEY | V7 | viidim | III+ | viidim7 | #IVdim7 | Diminished 7th |
| A MINOR | EG#BD | G#BD | CEG# | G#BDF | D#F#AC | ACEbGb |
| E MINOR | BD#F#A | D#F#A | GBD# | D#F#AC | A#C#EG | EGBbDb |
| B MINOR | F#A#C#E | A#C#E | DF#A# | A#C#EG | E#G#BD | BDFAb |
| F# MINOR | C#E#G#B | E#G#B | AC#E# | E#G#BD | B#D#F#A | F#ACEb |
| C#MINOR | G#B#D#F# | B#D#F# | EG#B# | B#D#F#A | FxA#C#E | C#EGBb |
| G#MINOR | D#FxA#C# | FxA#C# | BD#Fx | FxA#C#E | CxE#G#B | G#BDF |
| D#MINOR | A#CxE#G# | CxE#G# | F#A#Cx | CxE#G#B | GxB#D#F# | - |
| A#MINOR | E#GxB#D# | GxB#D# | C#E#Gx | GxB#D#F# | DxFxA#C# | - |
| | | | | | | |
| D MINOR | AC#EG | C#EG | FAC# | C#EGBb | G#BDF | DFAbCb |
| G MINOR | DF#AC | F#AC | BbDF# | F#ACEb | C#EGBb | GBbDbF |
| C MINOR | GBDF | BDF | EbGB | BDFAb | F#ACEb | CEbGbBbb |
| F MINOR | CEGBb | EGBb | AbCE | EGBbDb | BDFAb | FAbCbEbb |
| Bb MINOR | FACEb | ACEb | DbFA | ACEbGb | EGBbDb | BbDbFbAbb |
| Eb MINOR | BbDFAb | DFAb | GbBbD | DFAbCb | ACEbGb | EbGbBbbDbb |
| Ab MINOR | EbGBbDb | GBbDb | CbEbG | GBbDbFb | DFAbCb | - |

Rajah Y

# Nada: C Major



**Latihan**

**Semua latihan perlu disiapkan dan anda dikehendaki membuat salinan dan masukkan ke dalam folio. Bawa folio ini semasa interaksi bersemuka.**

**Latihan 1.1**

**Tukarkan semua jenis kord dalam Rajah X yang dilampirkan tersebut kepada not-not pada baluk. Lukis kord-kord tersebut dalam buku baluk (Manuscript Book) anda mengikut tandanada major dan tandanada minor yang diberi.**

**Latihan 1.2**

**Namakan kord-kord berikut dalam pembalikan dengan menggunakan huruf Roman. Nada ialah F major.**




**Latihan 1.3**

**Semua kord yang telah dipelajari dalam topik ini telah diberi contoh dalam nada C major. Anda dikehendaki memindahkan semua kord dalam nada C major tersebut ke dalam nada F major, G major, D major dan Bb major.**

| TAJUK 2 | PERGERAKAN $^6_4$ |
| --- | --- |

## 2.1 SINOPSIS

Tajuk ini memperkenalkan pergerakan $^6_4$. Aspek-aspek yang akan dipelajari meliputi

- Cadential $^6_4$
- Passing $^6_4$
- Auxilliary $^6_4$
- The $^6_4$ and the cadenza

## 2.2 HASIL PEMBELAJARAN

Mengaplikasikan pengetahuan pergerakan kord dalam menuliskan harmoni untuk melodi.

## 2.3 KERANGKA TAJUK




## ISI KANDUNGAN

**2.4** Cadential $^6_4$

Cadential $^6_4$ merujuk pergerakan kord Ic ke kord V = (Ic - V). Biasanya Cadential $^6_4$ berlaku pada akhir sesuatu frasa dalam sesebuah lagu.
Lihat contoh di bawah.




### 2.5 Passing $^{6}_{4}$

Pergerakan kord Passing $^{6}_{4}$ adalah seperti berikut:

Tempat berlaku passing $^{6}_{4}$

↓

- I – Vc – Ib
- I – V7c – Ib
- IV – Ic – IVb

Atau

- Ib – Vc – I
- Ib – V7c – I
- IVb – Ic – IV

↑

Tempat berlaku passing $^{6}_{4}$

Lihat contoh di bawah:



**2.6** Auxilliary $^6_4$

Pergerakannya adalah I – IVc – I.

Biasanya Auxilliary $^6_4$ adalah kord IVc. Ia berlaku pada bahagian pertengahan sesebuah lagu.

Lihat contoh di bawah.

Nada: G major



I IVc I

**2.7** The $^6_4$ and the cadenza

Pergerakan The $^6_4$ and the cadenza adalah lebih kurang sama dengan cadential $^6_4$ di mana ia biasanya wujud pada hujung sesuatu frasa. Pada zaman Baroque dan zaman Klasikal, The $^6_4$ and the cadenza merupakan satu bahagian yang penting dan menarik dalam sesebuah lagu. Biasanya ia dihiaskan dengan ornaments.

Lihat contoh di bawah.

Nada: E major




The $^6_4$ and the cadenza

## Nada: C Major




**Sila rujuk rajah di atas.**

- **Bar 1 – 3 menunjukkan contoh-contoh cadential $^{6}_{4}$**
- **Bar 4 – 5 menunjukkan satu contoh auxilliary $^{6}_{4}$**
- **Bar 6 – 8 menunjukkan contoh-contoh the $^{6}_{4}$ and the cadenza**
- **Bar 9 – 20 menunjukkan contoh-contoh passing $^{6}_{4}$**

**Latihan**

**1. Hasilkan Cadential $^{6}_{4}$ dalam bentuk SATB untuk nada D major, F major, A minor dan D minor dengan tandanada.**

**D major**



**F major**



**A minor**



**D minor**



**2. Hasilkan Passing $^6_4$ berdasarkan pergerakan kord berikut untuk nada F major dan A minor sahaja. Lukiskan passing $^6_4$ pada buku manuskrip.**

- I – Vc – Ib
- I – V7c – Ib
- IV – Ic – IVb
- Ib – Vc – I
- Ib – V7c – I
- IVb – Ic – IV

**3. Hasilkan Auxilliary $^6_4$ = {I – IVc – I }**
**untuk nada D major, F major, A minor, E minor dan D minor.**
**Lukiskan Auxilliary $^6_4$ pada buku manuskrip.**

**4. Hasilkan the $^6_4$ and the cadenza untuk nada G major, F major dan D major. Lukiskan the $^6_4$ and the cadenza pada buku manuskrip.**

# Tajuk 3 | PERGERAKAN KORD KELIMA (Kord V)

## Sinopsis

Dalam bidang ini, pelajar didedahkan kepada topik pengharmonian melodi melalui pengetahuan tentang pergerakan kord kelima. Pergerakan kord kelima melibatkan pergerakan asas, kord dalam pembalikan, kord sebelum kaden, kord $ii^7b$ dan pergerakan lengkap 5th yang berurutan. Pengetahuan ini akan diaplikasikan dalam penulisan empat lapisan suara atau SATB bagi melodi yang mudah. Selain dari mempelajari pergerakan kord kelima, pelajar akan memahami topik ini lebih mendalam dengan menganalisis skor muzik. Kefahaman ini akan dikukuhkan dengan latihan yang disediakan dan ia perlu dibuatkan dengan seikhlasnya.

## Hasil Pembelajaran

1. Mengenal pasti dan mengharmoni pergerakan pembalikan kedua.
2. Mengenal pasti dan mengecam pergerakan kord ke 5.

## Kerangka tajuk ini



## 3.1 Pergerakan asas.

Berikut ialah pergerakan kord asas dalam nada major




Berikut ialah pergerakan kord asas dalam nada minor




Pergerakan kord asas ini menamatkan dengan Kaden Perfek (Perfect Cadence) = V-I.

Petikan di bawah menunjukkan satu contoh pergerakan kord asas dalam nana D major.

Vivaldi: Concerto for Flute and Strings, *The Goldfinch*, Op. 10 No. 3 (*c.*1728)



Petikan di bawah menunjukkan satu contoh pergerakan kord asas dalam nada E minor.




## 3.2 Kord dalam pembalikan

Berikut adalah pergerakan yang menggunakan kord dalam pembalikan




## 3.3 Kord sebelum kaden

Terdapat 4 jenis kaden yang telah anda pelajari iaitu:

1. Kaden perfek (Perfect Cadence) V - I
2. Kaden imperfek (Imperfect Cadence) I – V atau IV – V atau ii – V
3. Kaden plagal (Plagal Cadence) IV - I
4. Kaden melencong (Interrupted Cadence) V – vi

Anda dikehendaki memilih kord-kord yang sesuai sebelum kord-kord kaden iaitu kord I, ii, IV dan V.

Kord-kord yang sesuai dipilih sebelum kord I ialah kord IV, V atau vi.

Kord-kord yang sesuai dipilih sebelum kord ii ialah kord I, IV atau vi.

Kord-kord yang sesuai dipilih sebelum kord IV ialah kord I, III, atau vi.

Kord-kord yang sesuai dipilih sebelum kord V ialah kord I, ii, IV atau vi.




Petikan di atas memberi satu contoh kord yang digunakan (iaitu kord iib) sebelum kord kaden perfek (V – I ) dalam C major

## 3.4 Kord ii7b

Pembentukan kord ii7b adalah not ke2, not ke4, not ke6 dan not pertama dalam semua skel samada nada major atau minor harmonik.

Kord-kord yang sesuai dipilih sebelum kord ii7b ialah kord I, IV atau vi.

Kord-kord yang paling sesuai dipilih selepas kord ii7b ialah kord V.

Diharap semua pelajar dapat hafal pergerakan kord tersebut. ia adalah penting dalam membuat latihan SATB.

Anda diingatkan bahawa pembalikan 1 (seperti Ib, iib, IVb, Vb, vib) untuk semua kord biasa digunakan dan dibenarkan menggunakannya. Tetapi, pembalikan 2 (seperti Ic, iic, IVc, Vc, vic) untuk semua kord tidak digalakkan menggunakannya kecuali dalam pergerakan cadential $^6_4$ dan passing $^6_4$.

Petikan di bawah memberi contoh-contoh pergerakan kord ii7b.







## 3.5 Pergerakan lengkap 5th

Pergerakan lengkap 5th digunakan dalam zaman Baroque.

Progression yang baik untuk pergerakan lengkap 5th adalah seperti berikut:

(Anda dikehendaki hafalkan pergerakan ini untuk tujuan peperiksaan)

Nada major: I-IV-vii$^{o}$-iii-vi-ii-V-I




Nada minor : i-iv-$^{b}$VII-III-VI-ii$^{0}$-V-i



### 3.6 Analisis skor

Anda sekarang harus tahu menganalisiskan sesebuah petikan muzik dengan merujuk pengetahuan yang dipelajari dalam topik 7 (Pengenalan Harmoni Asas) Modul PPG Teori I .

Satu contoh di bawah untuk anda menganalisiskan pergerakan pelbagai kord dalam petikan muzik.




**Semua latihan perlu disiapkan dan anda dikehendaki membuat salinan dan masukkan di dalam folio dan dimasukan ke dalam folio. Bawa folio ini semasa interaksi bersemuka.**
**(2 jam)**

**Latihan 1**

Lengkapkan kord di bawah ini.




**Latihan 2**
Labelkan kord dan lengkapkan kordnya



**Latihan 3**
Lengkapkan kord di bawah ini.




**Latihan 4**
Labelkan kord dan lengkapkan kordnya




**Latihan 5**
Labelkan kord-kordnya dan mengambil perhatian kord-kord sebelum kaden.



**Latihan 6**

Tandakan kord yang berasterik *




**Latihan 7**

Terus tandakan kord-kordnya



**Latihan 8**
Labelkan dan lengkapkan kordnya

Scottish Psalter (1635)




**Latihan 9**
Labelkan dan lengkapkan kordnya

French Psalter (1551)




**Latihan 10**

Labelkan dan lengkapkan kordnya

from *Musikalisches Handbuch*
(Hamburg, 1690)



**Latihan 11**

Labelkan dan lengkapkan kordnya

'Luther's Hymn',
from *Geistliche Lieder* (*c*.1533)




**Latihan 12**

Mainkan petikan muzik dan menandakan pergerakan kordnya

Weiss: *Sonata per il Liuto*, No. 7 (*c*.1740)



**Latihan 13**

Memainkan petikan muzik ini dengan memberi tumpuan kepada bass line yang mengandungi pergerakan kord yang baik dan memuaskan.Tandakan kord-kordnya pada tempat bertanda *




Simpankan semua bahan – bahan ini di dalam portfolio anda